

KAJIAN TERHADAP KEPENTINGAN LATIHAN INDUSTRI KEPADA
PELAJAR BIDANG PEMBINAAN

PAU NGEK LING

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat penganugerah
Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Latihan industri adalah satu program latihan yang dilalui oleh pelajar di organisasi atau syarikat dalam jangkamasa yang ditetapkan supaya memperoleh pengalaman sebenar dengan mempraktikkan ilmu yang dipelajari di universiti. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepentingan latihan industri kepada pelajar-pelajar bidang pembinaan. Lokasi kajian yang dipilih ialah Johor Bahru, di mana firma-firma industri binaan yang telah dipilih termasuklah firma pembinaan, firma pemaju dan firma perunding. Seramai 129 majikan daripada ketiga-tiga firma tersebut telah dipilih secara rawak sebagai responden dan selepas ditapis, hanya 44 borang soal-selidik dapat digunakan. Dua jenis data yang telah dikumpul adalah data primer, iaitu pengumpulan data melalui borang soal selidik, dan data sekunder, iaitu dengan melalui kajian literatur. Data dianalisis dengan menggunakan Microsoft Excel 2007. Keputusan hasil analisis borang soal selidik menunjukkan bahawa (i) pengalaman melaksanakan tugas merupakan aspek yang amat penting diperolehi melalui latihan industri. (ii) Kemahiran yang amat dititikberatkan oleh majikan semasa pengambilan adalah kebolehan graduan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan kebolehan mengguna Microsoft Word. Secara keseluruhannya, responden telah memberi persetujuan yang tinggi dalam menjawab soal selidik bagi mencapai kedua-dua objektif kajian ini.

ABSTRACT

Industrial training is a program which students undergo through placement in an organization or company within the time prescribed in order to gain experience with the actual practice for the knowledge learned in university. The aim of the research is to determine the importance of industry training to the construction students. The location selected for this research is Johor Bahru, and the construction industry firms had been selected included construction, developer and consultancy firms. There are about total of 129 employers in these three firms and they were selected as respondents for the research. Nonetheless, after filtration only 44 questionnaires could be used. Two types of data were been collected and they were primary and secondary data. The primary data have been collected through questionnaire form whilst the secondary data have been collected through literature study. The data was analyzed using Microsoft Excel 2007. The results showed that (i) the experience in carrying out the tasks given is a very important aspect gain through industrial training. (ii) The skills emphasized by the employer during the recruitment of graduates are the ability of a graduate to communicate in English and his or her ability to use Microsoft Word. In overall, the respondent had given the high agreement in answering the questionair in achieving the two objective of this research.